

Malaysia pikul tugas...

PSILAT / SILAT ()

MALAYSIA mempunyai tugas berat untuk mengekalkan kewibawaan dalam dunia persilatan untuk menghalang negara-negara Barat menguasai Pesta Silat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Oktober ini.

Dijangka lebih 14 negara akan menyertai Pesta Silat ini termasuk, Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan beberapa negara Eropah lain.

Enam negara Asean, Indonesia, Singapura, Brunei, Filipina, Thailand termasuk negara tuan rumah, Malaysia dijangka memberi tentangan hebat kepada pesilat-pesilat dari negara barat itu.

Kebelakangan ini, sudah banyak negara Barat mengambil jurus-jurus silat dan diselitkan dalam seni mempertahankan diri taekwon-do, karate-do dan sebagainya.

Keadaan itu membuatkan, beberapa buah negara barat sudah berupaya menandingi keutuhan jaguh-jaguh silat di gugusan kepulauan Melayu ini.

Penolong setiausaha Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Sulaiman Sarijan, berkata: "Jaguh-jaguh silat negara perlu berusaha dengan gigih untuk mencapai tujuan itu demi untuk kepentingan maruah bangsa kita."

Katanya, bukan negara ini sahaja menghadapi tekanan ini, tetapi juga Indonesia yang menjadi salah

B. Harian (M)

22 APR 1987

sebuah negara yang terkenal dengan jaguh-jaguh silat mereka.

Menurutnya, "Kami tidak mahu seni silat ini terus berkembang dengan pesat di negara Barat dan suatu ketika nanti kita pula terpaksa tunduk dengan mereka."

Beliau memberitahu, Amerika Syarikat, Australia dan beberapa negara lagi sudah mengamalkan jurus-jurus silat dalam seni mempertahankan diri masing-masing.

Dalam Pesta Silat Antarabangsa nanti jelasnya, "Kita seboleh-bolehnya tidak mahu negara-negara barat meraih banyak pingat emas."

Menurutnya, bagi meningkatkan pencapaian yang lebih cemerlang nanti, latihan pusat akan bermula 10 Jun ini. Latihan ini bukan sahaja untuk Kejohanan Dunia itu sahaja tetapi juga untuk Sukan SEA di Jakarta September ini.

Sulaiman memberitahu, Sekretariat Silat Antarabangsa di Jakarta sudah memberi kelulusan kepada Malaysia menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam Pesta Silat nanti.

"Ini satu lagi penghormatan yang besar kepada negara dan secara tidak langsung dapat mengembangkannya kepada negara barat," jelasnya.

BERITA BAIK

Cedera: Abdullah Mohammed sudah pulih

PENCARI / SILAT

22 APR 1987

HARAPAN menggondol pingat emas dalam acara silat di Sukan SEA, Jakarta September ini akan menjadi kenyataan apabila jaguh silat negara, Abdullah Mohammed sudah sembuh sepenuhnya dari kecederaan, lapor **NOOR JAAFAR**.

Abdullah mengalami patah tangan kanannya ketika bertungkus lumus untuk memenangi pingat gangsa dalam Pesta Silat Antarabangsa di Vienna, Austria tahun lalu.

Guru Seni Silat Terlak Empat Kelantan, Mohd Noor Mahmood, berkata: Abdullah sudah sembuh dari kecederaan itu dan sudah berupaya menjalani latihan dengan baik.

Katanya, "Saya berusaha untuk memberi semangat kepadanya supaya tidak teragak-agak dalam melakukan tindak balas dengan menggunakan tangan kanannya itu."

Menurutnya, Abdullah masih lagi takut untuk menggunakan tangannya itu kerana bimbang kecederaan itu berulang semula.

B. Harian (M)

Dia kini menjalani bersama dua lagi rakannya, Azam Haji Abbas dalam kategori F dan Mohamad Fauzi (kategori I) yang dijangka turut menyertai negara ke Sukan SEA, September ini dan Pesta Silat Antarabangsa selepas itu.

Mohd Noor yang lebih dikenali dengan Pak Su Noor memberitahu, pihaknya turut menyenaraikan lima pesilat

wanita bagi menjalani ujian pemilihan ke Sukan SEA pada 10 Jun ini.

Peserta wanita itu, Wan Anizan bagi kategori A, Marina Mohd Noor (B), Tengku Azizah Tengku Abdullah (C), Yati dan Zunika.

Katanya, kesemua peserta wanita ini mempunyai harapan cerah untuk mewakili negara berdasarkan pencapaian yang ditunjukkan.

Beliau juga percaya semua pesilat terutama, Abdullah, Azam dan Mohd Fauzi boleh mencapai kejayaan cemerlang seperti kejayaan yang dicapai dalam beberapa kejohanan silat kebangsaan sebelum ini.